

Mengapakah Pindaan Perlembagaan dilaksanakan dan bukan penggubalan suatu RUU spesifik ?

- Lebih kekal dan tidak boleh dipinda dengan undian majoriti mudah.
- Memerlukan sokongan pada bacaan kali kedua dan kali ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen (di kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara).
- Memberikan peruntukan larangan bertukar parti itu taraf yang sama dengan peruntukan yang lain dalam Perlembagaan Persekutuan.





Penggunaan Peruntukan ini di peringkat negeri

RUU ini telah meminda **Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan** untuk memperuntukkan larangan bertukar parti ke atas Ahli Dewan Undangan Negeri.

Memandangkan peruntukan dalam Jadual Kelapan merupakan peruntukan-peruntukan perlu (“essential provisions”) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan, semua Negeri hendaklah meminda Perlembagaan Negeri masing-masing tertakluk kepada persetujuan Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi menguatkuasakan peruntukan tersebut di Negeri masing-masing.

Prinsip larangan bertukar parti tidak merangkumi gabungan parti

Prinsip larangan bertukar parti hanya merangkumi seorang Ahli Dewan Rakyat keluar sesuatu parti politik. Ia tidak kira parti politik tersebut merupakan dalam parti gabungan yang sama atau lain.

CONTOH:

Dalam gabungan Perikatan Nasional yang merangkumi parti PAS, BERSATU, UMNO, GPS, PBS dan STAR jika seseorang Ahli Dewan Rakyat, Abu keluar dari PAS dan menyertai BERSATU. Ini dianggap sebagai bertukar parti dan Ahli Dewan Rakyat tersebut perlu mengosongkan kerusi.



Apakah prinsip keanggotaan Ahli Dewan Rakyat dalam peruntukan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti?

Keanggotaan seseorang Ahli Dewan Rakyat merujuk kepada keanggotaan dalam sesebuah parti politik tidak kira sama ada parti politik itu merupakan anggota sesebuah parti gabungan atau tidak.

CONTOH : *Ahmad merupakan anggota Parti UMNO tidak kira dia berada dalam gabungan mana.*





Penggunaan simbol parti lain

Penggunaan Simbol **tidak diambil kira** dalam prinsip larangan bertukar parti ini.

CONTOH:

Seseorang calon Bebas telah mendapat persetujuan dari Parti BERSATU untuk menggunakan simbol Parti BERSATU bagi bertanding dalam pilihan raya. Calon Bebas tersebut boleh berbuat demikian dan selepas pilihan raya boleh kembali menjadi Bebas. Dia tidak perlu menyertai parti BERSATU walaupun simbol BERSATU digunakan semasa beliau bertanding.

Parti keluar dari gabungan sama atau menyertai gabungan lain

Jika suatu Parti telah keluar dari satu gabungan dan menyertai parti di gabungan yang lain atau gabungan yang sama, tindakan ini **tidak dianggapkan sebagai bertukar parti.**



CONTOH 1:

Parti BERSATU membuat keputusan untuk menyertai UMNO (gabungan yang sama) ini tidak dianggapkan Ahli Dewan Rakyat BERSATU sebagai bertukar parti kerana keseluruhan parti tersebut telah menyertai parti lain.

Parti keluar dari gabungan sama atau menyertai gabungan lain

Jika suatu Parti telah keluar dari satu gabungan dan menyertai parti di gabungan yang lain atau gabungan yang sama, tindakan ini tidak dianggap sebagai bertukar parti.

CONTOH 2:

Parti PEJUANG membuat keputusan untuk bergabung dengan UMNO (gabungan yang berbeza) ini tidak dianggapkan Ahli Dewan Rakyat PEJUANG sebagai bertukar parti kerana keseluruhan parti tersebut telah menyertai parti lain.



Jika beberapa ahli dalam suatu parti tidak bersetuju untuk menyertai parti yang lain

Jika sesuatu parti membuat keputusan untuk menyertai parti yang lain, tetapi beberapa ahli dalam parti tersebut tidak bersetuju untuk menyertai parti yang lain dan ini tidak selaras dengan keputusan parti mereka. Terdapat beberapa situasi seperti berikut:

CONTOH SITUASI 1 : Jika beberapa Ahli Dewan Rakyat BERSATU tersebut kekal sebagai ahli Parti tersebut dan tiada tindakan diambil terhadap mereka, maka ia *tidak dianggapkan sebagai bertukar parti.*

Pindaan Perlembagaan Larangan bertukar Parti dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat

7B



Jika beberapa ahli dalam suatu parti tidak bersetuju untuk menyertai parti yang lain

CONTOH SITUASI 2 : *Jika Parti BERSATU memecat beberapa ahli tersebut kerana tidak selaras dengan keputusan parti, maka mengikut peruntukan sedia ada ia bukan bertukar parti kerana pengecualian telahpun diberi.*

CONTOH SITUASI 3: *Jika tindakan tidak mengikut keputusan Parti menyebabkan beberapa ahli BERSATU terhenti keanggotaan parti (berdasarkan Perlembagaan Parti tersebut) maka ahli-ahli tersebut dianggapkan telah bertukar parti dan perlu mengosongkan kerusi mereka.*

Pemecatan Ahli Dewan Rakyat sebagai suatu Pengecualian

Pemecatan seseorang dari Parti mereka **TIDAK** dianggapkan sebagai bertukar parti dan adalah satu **pengecualian** di bawah pindaan ini. Ini adalah berdasarkan sebab-sebab seperti berikut:

- Pemecatan disebabkan Ahli Dewan Rakyat yang mempunyai masalah disiplin atau masalah dalaman parti politik dan dipecat oleh parti politik beliau;
- Hal pemecatan memerlukan pendekatan yang berbeza, supaya parti politik tidak menyalahgunakannya; dan
- Hal pemecatan adalah suatu perkara yang di luar kawalan Ahli Dewan Rakyat.



Ahli Dewan Rakyat yang memberi sokongannya kepada parti politik selain yang diwakilinya

Ahli Dewan Rakyat yang memberi sokongannya kepada **parti politik selain yang diwakilinya tidak dianggap bertukar parti**. Ini adalah kerana Ahli Dewan Rakyat tersebut masih kekal sebagai ahli parti politik yang diwakilinya.

Ahli Dewan Rakyat mempunyai prinsip yang bertentangan dengan prinsip parti

Sekiranya seorang Ahli Dewan Rakyat mempunyai prinsip yang bertentangan dengan prinsip parti dan menyebabkan keanggotaan beliau digugurkan berdasarkan Perlembagaan Parti tersebut iaitu ***ceases to be a member*** maka Ahli Dewan Rakyat tersebut dianggap **telah bertukar parti dan perlu mengosongkan kerusinya.**

CONTOH : *Ali seorang anggota Parti UMNO, dan tidak menyokong keputusan partinya. Perlembagaan Parti UMNO menyatakan jika seseorang ahli Parti tidak mengikuti prinsip parti, keputusan Parti UMNO adalah dia akan digugurkan dari Parti tersebut. Dalam keadaan ini Ali akan secara automatik digugurkan dari partinya dan ini **dianggap sebagai bertukar parti dan kerusi Ali perlu dikosongkan.***

Ahli Dewan Rakyat Bebas

Ahli Dewan Rakyat daripada sesuatu parti politik yang kemudiannya menjadi Ahli Dewan Rakyat Bebas dianggap bertukar parti.

CONTOH:

Muthu adalah anggota Parti MIC dan telah keluar Parti tersebut dan menjadi BEBAS. Tindakan Muthu dianggap sebagai keluar parti dan Muthu perlu mengosongkan kerusinya.

Ahli Dewan Rakyat Bebas

Ahli Dewan Rakyat yang bukan merupakan anggota mana-mana parti politik (Ahli Dewan Rakyat Bebas) **boleh menyokong mana-mana parti politik** atau parti gabungan tetapi mesti **kekal sebagai Ahli Dewan Rakyat Bebas** dan tidak boleh menyertai mana-mana parti politik. Jika beliau menyertai mana-mana parti politik atau parti gabungan maka tindakan ini dianggap bertukar parti.

CONTOH : *Lim merupakan seorang Ahli Dewan Rakyat Bebas dan telah memberi sokongan kepada Parti MCA. Lim boleh memberi sokongan, tetapi perlu masih kekal sebagai Ahli Dewan Rakyat Bebas. Jika beliau menyertai MCA, beliau dianggap bertukar Parti dan perlu mengosongkan kerusi.*

Pemansuhan Peruntukan 48 (6) Perlembagaan Persekutuan

Pemansuhan Perkara 48 (6) di mana seseorang Ahli Dewan Rakyat yang gugur keanggotaan tidak perlu lagi menunggu 5 tahun sebelum bertanding.

CONTOH :

Lee telah mengosongkan kerusinya kerana dia telah bertukar parti. Lee berhak bertanding semula untuk mendapatkan mandat rakyat, beliau tidak perlu menunggu 5 tahun untuk bertanding seperti peruntukan sebelum ini.

Pindaan Perlembagaan Larangan bertukar Parti dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat

13A



Ahli Dewan Negara tidak tertakluk kepada peruntukan larangan bertukar Parti. Ini adalah disebabkan oleh beberapa sebab:

Ahli Dewan Negara dibahagikan kepada dua kategori iaitu yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan yang dipilih oleh Negeri berdasarkan keahlian sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang mewakili parti politik masing-masing. Oleh yang demikian, peruntukan larangan bertukar parti pada peringkat ini tidak terpakai ke atas Ahli Dewan Negara mengambil kira beberapa aspek penting isu perundangan ini di peringkat negeri selain memerlukan perundingan dan perkenan daripada **Yang di-Pertuan Agong untuk Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;**



Pindaan Perlembagaan Larangan bertukar Parti dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat

13B

Ahli Dewan Negara tidak tertakluk kepada peruntukan larangan bertukar Parti. Ini adalah disebabkan oleh beberapa sebab:

Ahli Dewan Negara dan semua pihak yang berkepentingan sewajarnya dirundingi terlebih dahulu sebelum isu pemakaian undang-undang mengenai larangan bertukar parti ke atas Ahli Dewan Negara diputuskan; dan

Sokongan Ahli Dewan Rakyat kepada mana-mana parti politik atau gabungan parti politik boleh memberi implikasi kepada perubahan Kerajaan dan kestabilan politik. Oleh itu adalah lebih wajar undang-undang mengenai larangan bertukar parti hanya terpakai ke atas Ahli Dewan Rakyat.





Perjanjian Pasca Pilihan Raya (*Post- Election Coalition Agreement*)

Perjanjian Pasca Pilihan Raya di antara gabungan boleh dilaksanakan terutamanya jika tiada majoriti untuk membentuk kerajaan dan situasi “*hung Parliament*” berlaku.

CONTOH :

Jika selepas Pilihan Raya masih terdapat keadaan di mana tiada parti yang mampu membentuk kerajaan, Parti UMNO, PAS dan BERSATU telah bersetuju untuk bergabung untuk membentuk kerajaan dengan sokongan majoriti kepada Perdana Menteri dari Parti UMNO.



Proses Pemakluman jika terdapat sebarang tindakan Ahli Dewan Rakyat bertukar Parti

Ketua Parti atau Ahli Dewan Rakyat perlu melaporkan kekosongan luar jangka ini melalui satu notis bertulis kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat secepat mungkin.

Yang Dipertua setelah mendapat laporan kekosongan luar jangka ini dari Ketua Parti atau Ahli Dewan Rakyat dalam masa **21 hari dari tarikh menerima Laporan kekosongan luar jangka** setelah melaksanakan pengesahan kekosongan luar jangka tersebut perlu melaporkan kekosongan ini kepada Suruhanjaya Pilihan Raya.

Suruhanjaya Pilihan Raya akan melaksanakan Pilihan Raya dalam masa **60 hari dari tarikh terima laporan dari Yang Dipertua Dewan Rakyat** selaras dengan Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan.